

**LATIHAN PENGUKUHAN DALAM PEDAGOGI HIKMAH****[REINFORCEMENT EXERCISE IN WISDOM PEDAGOGY]**DAYANG SYAFIENNA HASAN<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

*Received: 10 April 2024**Accepted: 14 May 2024**Published: 29 June 2024*

---

**Abstrak:** Pedagogi Hikmah merupakan salah satu kaedah pengajaran yang menekankan inkuiri falsafah berpandukan kemahiran berfikir kritis dan kreatif berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh guru kepada murid atau sebaliknya. Pedagogi Hikmah dan KBAT mempunyai satu perkaitan untuk mengembangkan daya pemikiran kreatif murid dan juga untuk meningkatkan keupayaan murid menaakul semasa perbincangan. Latihan pengukuhan dalam konteks pedagogi hikmah pula merujuk kepada satu siri aktiviti yang direka untuk mengukuhkan dan mendalami pemahaman aplikasi pedagogi hikmah. Latihan pengukuhan ini melibatkan proses pembelajaran yang interaktif, reflektif dan juga kolaboratif. Murid diberi peluang untuk mempelajari konsep, prinsip dan strategi melalui perbincangan. Cabaran-cabaran pelaksanaan pedagogi hikmah terhadap guru dan murid boleh melibatkan beberapa aspek dan cabaran ini adalah berdasarkan daripada pengalaman pelajar Sarjana Pendidikan Islam dalam mengendalikan micro teaching menggunakan sesi pedagogi hikmah. Dalam usaha guru untuk terus meningkatkan kualiti pendidikan, cadangan penambakan pedagogi hikmah boleh membawa perubahan positif yang signifikan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

**Kata Kunci:** Pedagogi Hikmah, Latihan Pengukuhan, KBAT, Pemikiran kritis dan kreatif.

**Abstract:** Hikmah pedagogy is one of the lessons that emphasizes philosophical inquiry guided by critical and creative thinking skills based on questions posed by the teacher to students or vice versa. This pedagogy of wisdom and KBAT has a connection which is to develop students' creative thinking and also to improve students' ability to reason during discussions. Reinforcement exercise in the context of wisdom pedagogy refers to a series of activities designed to strengthen and deepen the understanding of the application of wisdom pedagogy. This reinforcement exercise involves an interactive, reflective and collaborative learning process. Students are given the opportunity to learn concepts, principles and strategies through discussion. The challenges of implementing hikmah pedagogy for teachers and students can involve several aspects and these challenges are based on the experience of Master of Islamic Education students in conducting micro teaching using hikmah pedagogy sessions. In the efforts of teachers to continue to improve the quality of education, suggestions for the improvement of hikmah pedagogy can bring significant positive changes to the teaching and learning process.

**Keywords:** Wisdom pedagogy, Reinforcement exercise, KBAT, critical and creative thinking.

**Cite This Article:**

Dayang Syafienna Hasan & Hafizhah Zulkifli. (2024). Latihan Pengukuhan dalam Pedagogi Hikmah [Reinforcement Exercise in Wisdom Pedagogy]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(2), 24-32.

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan penekanan terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem persekolahan. Ini disebabkan oleh keperluan untuk menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam ekonomi yang telah dipacu oleh inovasi. Menurut KPM (2019), KBAT merujuk kepada keupayaan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Pedagogi Hikmah mula diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2006 di Malaysia dengan penubuhan *Centre for Philosophical Inquiry in Education*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang sekarang menjadi *Centre for Teaching Thinking* pada tahun 2014 (Rosnani Hashim, 2018). Pedagogi Hikmah merupakan adaptasi daripada program *Philosophy for Children* (P4C) yang dimulakan dan dikembangkan di Amerika Syarikat oleh Matthew Lipman pada 1970-an (Rosnani Hashim, 2022). Pedagogi Hikmah juga merupakan salah satu pengajaran yang menekankan inkuiri falsafah berpandukan kemahiran berfikir kritis dan kreatif berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh guru kepada murid atau sebaliknya (Rosnani Hashim, 2014).

Matlamat pedagogi hikmah merangkumi matlamat P4C iaitu untuk membantu kanak lebih berfikir, lebih reflektif, lebih bertimbang rasa, dan lebih munasabah, di samping tambahan mengaplikasikannya untuk memahami al-Quran dan Hadis secara tepat iaitu mendapatkan hikmah sebagai panduan hidup.

Seterusnya, objektif pedagogi hikmah adalah:

- 1) untuk meningkatkan keupayaan menaaakul murid
- 2) untuk mengembangkan daya kreativiti murid
- 3) untuk membangun perkembangan personal dan interpersonal murid
- 4) untuk membina kefahaman tentang akhlak dan etika murid
- 5) mengembangkan keupayaan mencari makna dalam pengalaman
- 6) memikirkan dan memahami prinsip Islam dalam kehidupan

(Adilah Kamal Aziz dan Hafizhah Zulkifli, 2023)

Oleh itu, pedagogi hikmah dan KBAT mempunyai satu perkaitan iaitu untuk mengembangkan daya pemikiran kreatif murid dan juga untuk meningkatkan keupayaan murid menaaakul semasa perbincangan. Selain itu, kertas konsep ini membincangkan tentang latihan pengukuhan dalam pedagogi hikmah.

Dalam konteks pengajaran pedagogi hikmah, guru sering menghadapi isu pengawalan bilik darjah. Menurut Mahfuzah Mohamed et al., (2022), guru menghadapi kesulitan mengawal bilik darjah yang bising, dan ini menghalang pelaksanaan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Dalam pedagogi hikmah juga, pelbagai aktiviti melibatkan hampir semua murid dalam PdPc, dan oleh itu, ramai guru yang menghadapi kesukaran dalam mengawal keadaan bilik darjah (Abdul Rahman & Noor, 2018).

Selain itu, penglibatan murid dalam proses PdPc pedagogi hikmah juga merupakan aspek yang penting. Guru perlu menggunakan pelbagai kaedah yang menarik minat murid, termasuk penggunaan bahan multimedia. Menurut Hafizhah, Mahfuzah dan Nur Lailatul (2022), penggunaan bahan multimedia dapat meningkatkan tahap kemahiran sosial, bahasa dan komunikasi murid. Dengan demikian, pedagogi hikmah dapat membuka peluang bagi murid untuk berinteraksi, berfikir kritis dan berkomunikasi dengan lebih efektif dalam pembelajaran mereka.

## **PENYATAAN MASALAH**

Seiring dengan perkembangan teknologi dan globalisasi, masyarakat semakin bergerak ke arah masyarakat pengetahuan yang memerlukan kemahiran-kemahiran abad ke-21 bagi memenuhi tuntutan pekerjaan dan kehidupan. Namun begitu, dalam konteks pendidikan sangat menitikberatkan tentang abad ke-21, akan tetapi pelaksanaannya kurang diguna pakai.

Terdapat dua isu yang ingin diketengahkan dalam kajian ini iaitu isu yang berkaitan dengan kepentingan pembinaan latihan pengukuhan yang melibatkan kesediaan guru untuk mengintegrasikan pedagogi hikmah dalam pengajaran serta bagaimana kesedaran guru terhadap konsep dan kepentingan pedagogi hikmah dalam pengajaran pendidikan Islam. Isu yang kedua pula adalah isu berkaitan kesan penggunaan latihan pengukuhan pedagogi hikmah yang motivasi dan minat murid terhadap Pendidikan Islam serta bagaimana latihan pengukuhan tersebut mempengaruhi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid.

Dalam konteks pembinaan latihan pengukuhan, guru perlu meningkatkan kepakaran dan kemahiran untuk membantu murid memperdalam pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi (Mohd Hefzan dan Muhammad Nubli, 2020). Penggunaan latihan pengukuhan menjadi penting dalam pembelajaran dan pengajaran oleh kerana ia memberi kesempatan kepada guru untuk memperkukuhkan kemahiran pedagogi mereka dalam menyampaikan nilai-nilai dalam pembelajaran. Walaupun pendidikan berdasarkan latihan yang berterusan adalah penting, namun masih terdapat kekurangan kesedaran dan pelaksanaan latihan pengukuhan dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan latihan pengukuhan dan kekurangan sumber yang sesuai, berkemungkinan menjadi faktor utama yang menghalang penglibatan guru dalam usaha pembinaan profesionalisme mereka. Ini akan memberi impak negatif terhadap minat dan motivasi murid dalam pembelajaran. Menurut kajian Rosnani Hashim et., al (2018), walaupun pedagogi hikmah menawarkan pendekatan yang holistik dalam pengajaran nilai-nilai Islam, namun masih terdapat kekurangan dalam pemahaman dan penggunaannya dalam kalangan GPI. Melalui pembinaan latihan pengukuhan pedagogi hikmah dalam subjek Pendidikan Islam, murid akan lebih termotivasi untuk terus berfikir di luar kotak ataupun sebaliknya. Oleh kerana, melalui program pedagogi hikmah ini akan meningkatkan lagi kemahiran berfikir kritis dan kreatif murid lagi berdaya saing.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini adalah:

1. Untuk mengkaji kepentingan pembinaan Latihan pengukuhan pedagogi hikmah dalam kalangan guru Pendidikan Islam.
2. Untuk meneroka kesan penggunaan Latihan pengukuhan pedagogi hikmah dalam kalangan murid di sekolah.

## **LATIHAN PENGUKUHAN DALAM PEDAGOGI HIKMAH**

### **Tujuan Latihan Pengukuhan**

Tujuan dari latihan pengukuhan ini adalah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang konsep dan juga kaedah pelaksanaan pedagogi hikmah kepada pendidik. Ini adalah kerana supaya mereka dapat melaksanakannya dengan lebih berkesan dalam proses pembelajaran. Selain itu, tujuannya juga adalah untuk mengasah kemahiran berfikir kritis murid dalam proses perbincangan.

Di samping itu, tujuan latihan pengukuhan juga adalah untuk mengekalkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari oleh murid dalam proses pembelajaran. Selepas proses pengajaran dan pembelajaran, guru melakukan aktiviti yang dipanggil sebagai pengukuhan. Latihan pengukuhan yang diberikan kepada murid adalah sama kepada setiap murid. Setiap murid tersebut dikehendaki untuk menjawab, melaksanakan atau berbincang tentang tugas yang diberikan oleh guru. Latihan pengukuhan ini adalah untuk melihat bagaimana murid yang mahir dalam PnP yang berbeza.

Selain itu, latihan pengukuhan dibina untuk mengalakkan murid mencipta interaksi yang bermakna dalam pembelajaran. Melalui latihan pengukuhan juga dapat memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan idea mereka setelah proses pembelajaran berlangsung. (Joe Oettel, 2022).

Justeru, pada dasarnya latihan pengukuhan pedagogi hikmah ini melibatkan proses pembelajaran yang interaktif, reflektif dan kolaboratif. Hal demikian kerana, murid yang menjawab soalan pengukuhan tersebut diberi peluang untuk mempelajari konsep, prinsip dan strategi melalui perbincangan.

### **Ciri-ciri Latihan Pengukuhan**

Latihan pengukuhan dalam pedagogi hikmah adalah berasaskan kepada inkuiri falsafah ataupun persoalan falsafah. Inkuiri falsafah lazimnya adalah soalan tentang sesuatu yang boleh dipertikaikan, dan ia tidak berfokus kepada jawapan yang betul sahaja. Guru yang membina latihan pengukuhan di akhir sesi pembelajaran perlu menerapkan soalan yang berbentuk falsafah. Ini termasuk soalan yang memerlukan perbincangan dan perundingan, dan yang mendorong kemahiran berfikir kritis dan kreatif murid. Selain itu, latihan ini juga harus mengalakkan respon lanjut daripada murid dengan tugas guru hanya sebagai fasilitator yang mencungkil idea murid-murid (Hafizhah, 2019).

Selain itu, dalam pedagogi Hikmah, murid perlu menyatakan sebab dan rasional bagi setiap perkara yang mereka percayai. Dalam hal ini, murid akan menerokai sebab mereka sendiri dan sebab-sebab rakan yang lain yang memberi respon. Guru bertindak sebagai

fasilitator harus meminta penjelasan dan pernyataan semula terhadap jawapan yang murid berikan.

Seterusnya, ciri-ciri guru yang mengamalkan pedagogi hikmah adalah seorang fasilitator yang berfikir lebih daripada sumber dan penilai ilmu yang lain. Guru perlu fokus kepada berfikir daripada fokus jawapan yang diberikan oleh murid. Tugas guru dalam pedagogi hikmah adalah membantu murid memperbaiki pemikiran mereka dan membimbing mereka. Tambahan lagi, guru perlu memastikan pembelajaran itu berpusatkan kepada murid dan guru perlu bersikap terbuka untuk mendengar semua pandangan murid dan juga mengembangkan pemikiran mereka. Justeru, guru juga perlu mengemukakan soalan-soalan yang mencabar minda murid supaya mereka mengasah pemikiran mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif (Rosnani Hashim, 2022).

Latihan pengukuhan dalam pedagogi hikmah ini adalah sekadar latihan biasa untuk menguji minda murid. Ia berbentuk lembaran kerja tetapi agak berbeza dari segi pendekatan. Namun, latihan yang diberikan memerlukan murid untuk berfikir secara mendalam dan menyatakan rasional untuk setiap jawapan yang diberikan.

Dalam pedagogi Hikmah, terdapat tiga fasa yang dilakukan. Pertama, fasa pembacaan, di mana murid diberikan bahan rangsangan seperti teks cerita, video, atau gambar yang mengandungi elemen masalah, kesamaran dan keraguan (Nurul Sakinah & Hafizhah, 2021). Murid digalakkan untuk berfikir secara mendalam, memahami apa yang dicadangkan, menyatakan apa yang menarik dan digemari dan juga meneka apa yang ingin disampaikan. Melalui fasa ini, bacaan dijadikan sebagai jambatan kognitif yang membawa kepada pemikiran yang berfokus daripada pemikiran yang biasa.

Kedua, fasa pertanyaan. Murid diberi peluang untuk berbincang mengenai persoalan yang akan dibincangkan berdasarkan tema bahan ransangan. Setiap jenis persoalan yang murid utarakan perlu kepada soalan lanjutan agar menjadi perbincangan yang lebih mendalam (Nur Syahirah Jarawi & Hafizhah Zulkifli, 2020).

Ketiga, fasa Perbincangan dan perbahasan. Fasa ini bertujuan untuk mencari jawapan dan penjelasan kepada setiap persoalan yang diutarakan. Dalam fasa ini, wujudnya dialog antara murid, kritikan, pendapat serta penambahbaikan diri dan menimbulkan penafsiran yang berbeza-beza dalam kalangan murid pedagogi hikmah. Perbincangan berteraskan falsafah ini perlu kepada apa yang murid fikirkan terhadap isu tersebut dan kenapa mereka berfikir dan bagaimana hendak menaakul dengan berkesan.

Justeru, di akhir fasa ini juga, setelah guru membuat kesimpulan dan rumusan perbincangan tersebut, guru akan memberi latihan pengukuhan yang berteraskan inkuiri falsafah. Soalan atau latihan yang diberikan itu perlu berunsurkan kepada pemikiran kritis dan yang membuka minda murid untuk menjawabnya. Sebagai contoh, soalan penerapan inkuiri falsafah dalam latihan pengukuhan ini memerlukan murid itu mencapai makna apa yang dipelajari dalam proses pembelajaran. Soalan yang memerlukan mereka mengasah pemikiran kritis seperti 'patut' atau 'tidak patut', 'perlu' atau 'tidak perlu' dan juga soalan yang memerlukan mereka memikirkan rasionalnya sesuatu tindakan atau perbuatan itu dilakukan.

## **Kepentingan Latihan Pengukuhan dalam Pedagogi Hikmah**

Latihan pengukuhan dalam pedagogi hikmah dijalankan di akhir pembelajaran dan pengajaran. Guru mengarahkan murid untuk merumuskan isi pembelajaran yang telah dipelajari secara ringkas sebelum memberikan latihan kepada murid.

Kepentingan latihan pengukuhan adalah untuk mengukur tahap kefahaman murid dan juga kemahiran 4K 1N murid tentang isi pelajaran. 4K adalah kemahiran yang perlu diterapkan ke dalam diri murid selaras dengan cabaran abad ke-21. 4K ini adalah kemahiran komunikasi, kolaboratif, berfikiran kritis dan juga kreatif. Manakala 1N adalah nilai yang diterapkan ke dalam diri murid setelah menilai 4 kemahiran di atas.

Selain itu, kepentingan latihan pengukuhan juga adalah untuk meningkatkan kemahiran sosial murid melalui pembelajaran kaedah koperatif. Pembelajaran koperatif ini adalah murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk membincangkan topik pelajaran semula mengikut kefahaman dan perspektif mereka (Pijay, t.th).

Melalui latihan pengukuhan juga, murid diarahkan untuk berfikir secara kritis dan berfikir secara aras tinggi untuk menyelesaikan satu isu atau masalah yang guru berikan. Pada akhirnya, dampak utama kepentingan latihan pengukuhan ini adalah untuk melihat kemampuan murid berfikir secara abstrak yang akan merangsang pemikiran mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian menggunakan kajian kualitatif iaitu melalui analisis dokumen daripada penulisan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Maklumat yang diperolehi dikumpulkan melalui pembacaan jurnal, artikel, prosiding, tesis dan buku yang dibekalkan kepada pengkaji untuk membuat kajian berkenaan. Kaedah ini membantu pengkaji mengetahui tentang ciri-ciri, cabaran pelaksanaan latihan pengukuhan pedagogi hikmah. Oleh hal yang demikian, daripada analisis-analisis yang dilaksanakan secara tidak langsung membantu dalam proses pencarian maklumat berkenaan latihan pengukuhan pedagogi hikmah semasa proses pembelajaran.

## **CABARAN PELAKSANAAN PEDAGOGI HIKMAH**

Cabaran-cabaran pelaksanaan pedagogi hikmah terhadap guru dan murid boleh melibatkan beberapa aspek. Cabaran sebagai guru atau fasilitator ialah guru perlu berfikir untuk menanyakan soalan atau memberikan situasi kepada murid untuk menggalakkan mereka berkongsi pendapat. Ini adalah kerana tidak semua murid ingin berkongsi pendapat oleh kerana malu, tidak tahu dan tidak yakin dengan jawapan yang mereka berikan. Seterusnya, guru menghadapi cabaran dalam sesi perbincangan kerana tidak semua murid memberikan komitmen dalam memberikan pandangan dan memerlukan guru itu sendiri yang mengarahkan murid untuk memberikan pandangan. Dalam hal ini juga, guru perlu mengatasi masalah murid yang pendiam dan kurang bercakap dalam kelas untuk mengutarakan pendapat dan pandangan mereka (Rosnani et.al, 2018).

Selain itu, sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, guru perlu memahami isi pelajaran yang akan diajarkan. Dalam pedagogi hikmah, jika menggunakan

bahan teks ransangan, guru perlu memahami isi teks terlebih dahulu untuk memudahkan proses Pnp berjalan dengan lancar. Guru juga perlu menyediakan latihan uji minda di akhir pembelajaran sebagai pengukuhan dan penilaian kepada murid. Seterusnya, guru juga perlu bijak menarik minat dan fokus murid supaya tidak bosan dan berasa tertekan dalam sesi perbincangan. Oleh kerana, sesi pedagogi hikmah ini memerlukan masa yang lama untuk dilakukan disebabkan oleh pertanyaan, perbincangan dan berkongsi pendapat murid tentang suatu tema pembelajaran tersebut. Guru perlu melibatkan semua murid dalam sesi ini untuk melihat perkembangan cara berfikir murid.

Di samping itu, antara cabaran lain yang dihadapi ialah, guru perlu mewujudkan suasana perbincangan yang aktif dan bermakna. Setiap masa perbincangan itu perlu diisi dengan pertanyaan yang memprovokasi dan menggalakkan murid supaya berfikir secara kritis untuk mengeluarkan idea. Perkara ini perlu kepada guru itu memberikan pertanyaan yang memprovokasi jawapan murid. Dalam hal ini juga guru perlu bijak bertindak dalam mengaitkan tema pembelajaran dengan perbincangan agar tidak keluar dari topik pembelajaran. Tambahan lagi, guru juga boleh mengaitkan tema dengan pengalaman murid agar proses perbincangan tersebut lebih dekat dengan mereka (Nur Syahirah & Hafizhah Zulkifli, 2020).

Menurut kajian Rosnani Hashim et al., (2018), kebanyakan murid tidak menghadapi cabaran dan masalah dengan pedagogi hikmah disebabkan oleh murid hanya perlu menyatakan masalah dan guru yang perlu mengatasi masalah tersebut. Namun, melalui pedagogi hikmah ini murid dapat pengalaman yang menarik terhadap suatu pembelajaran yang baharu, dan juga menambah persepsi baru mereka terhadap rakan-rakan mereka yang lain yang sebenarnya mempunyai idea yang bernas dan baik tetapi malu untuk menyuarakan pendapat mereka ketika berada dalam bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan pengalaman pelajar Sarjana yang melakukan pedagogi hikmah ini, murid itu terpaksa berfikir lebih kritis dalam sesi perbincangan, khususnya apabila idea dan pendapat mereka telah diambil oleh rakan-rakan yang lain. Oleh kerana pedagogi hikmah ini memerlukan murid berkongsi pendapat tentang suatu tema pembelajaran tersebut, maka murid perlu berfikir lebih daripada biasa, lebih aktif, dan perlu berkongsi buah fikiran mereka dengan rakan-rakan yang lain, justeru, perkara ini berbeza dengan kaedah pembelajaran yang lain yang terkadang hanya berpusatkan kepada guru semata-mata.

Namun, pedagogi hikmah ini sebenarnya memerlukan sesi perbincangan yang santai dan spontan. Ia tidak terlalu memaksa dan menekan fikiran murid untuk berfikir dengan lebih mendalam, tetapi lebih kepada ingin mengasah pemikiran kritis mereka dan untuk bersikap lebih terbuka untuk menyuarakan pendapat mereka dengan lebih kerap dalam bilik darjah. Perkara ini banyak dibuktikan dalam kajian-kajian lepas mengenai persepsi murid terhadap pedagogi hikmah, dan kebanyakan kajian mengatakan murid lebih seronok dan tidak bosan dengan kaedah pedagogi hikmah ini (Suhailah Hussien et al., 2021).

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, pedagogi hikmah ini sangat memberi kesan kepada kemahiran kognitif murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid. Dalam pedagogi hikmah ini banyak

penerapan yang diterapkan seperti kemahiran menaakul, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang juga bertepatan dengan konsep pembelajaran abad ke-21. Justeru, latihan pengukuhan pedagogi hikmah ini akan melatih murid berfikir secara mendalam terhadap rasional yang diberikan kepada setiap persoalan yang dijawab. Selain itu latihan pengukuhan dalam pedagogi hikmah ini juga dapat membuka minda murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Latihan pengukuhan yang dibina juga hendaklah berdasarkan kepada topik pembelajaran yang menguji minda murid, disebabkan oleh ia lebih berpusatkan kepada murid berbanding berpusatkan kepada guru semata-mata. Selain itu, melalui pedagogi hikmah ini juga dapat membuka minda murid untuk bersikap lebih terbuka menerima kritikan yang munasabah dan menerima pandangan dan pendapat daripada rakan yang lain.

## RUJUKAN

- Hafizhah Zulkifli & Nor Alniza Azman. 2021. Students' Self-Assessment on Hikmah Pedagogy in Islamic Education. *Religacion. Revista de Ciencias Sociales y Humanidades, Journal of Social Sciences and Humanities* 6(29).
- Hafizhah Zulkifli & Rosnani Hashim. 2019. The Development of Questioning Skills Through Hikmah (Wisdom) Pedagogy. *Creative Education* 10: 2593-2605.
- Hafizhah Zulkifli, Mahfuzah Mohammed Zabidi & Nur Lailatul Syahira Raduan. 2022. The Need for the Development of Hikmah Pedagogy Module to Preschool Student. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(6): 1142- 1151.
- Nur Syahirah Jarawi & Hafizhah Zulkifli. 2020. Pedagogi Hikmah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4(2): 90-102.
- Nurul Sakinah Aziz & Hafizhah Zulkifli. 2021. Memahami Keperluan Pembinaan Modul Pedagogi Hikmah Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *International of Conference on Syariah & Law: Online Conference*, hlm. 309-322.
- Rosnani Hashim & Hendon Alias. 2020. Developing High-Order Thinking in Primary School Students Through Qur'anic Stories and The Hikmah Pedagogy of Philosophical Inquiry. *IIUM Journal of Education Studies* 8(1): 89-111.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussien & Adesile M. Imran. 2014. Hikmah (wisdom) Pedagogy and Students' Thinking and Reasoning Abilities. *Intellectual Discourse* 22(2): 119-138.
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussein, Madihah Khalid & Rosemaliza kamaluddin. 2018. Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2): 37-47.
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussein, Madihah Khalid & Rosemaliza kamaluddin. 2018. The Impact of Hikmah (Wisdom) Pedagogy on 21st Century Skills of Selected Promary and Secondary School Students in Gombak District Selangor Malaysia. *Journal of Education and Learning* 7(6): 2018.
- Rosnani Hashim. 2017. *Revitalization of Philosophy and Philosophical Inquiry in Muslim Education: The Way Forward*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.



- Rosnani Hashim. 2022. *Pedagogi Hikmah Bagi Kemahiran Insaniah: Panduan Untuk Pendidik*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajaran Kemahiran Berfikir (CTT) Kuliyyah Pendidikan UIAM.
- S. Trickey & Keith Topping. 2004. Philosophy for Children: A Systematic Review. *Research Paper in Education* 19(3): 365-380.
- Sara Stanley. 2012. *Why Think? Philosophical play from 3-11*. London: British Library.
- Suhailah Hussien, Mohd Kaziman Abd. Wahab & Rosnani Hashim. 2021. Improving Students' Inquiry Skills in Islamic Education Through Hikmah Pedagogy and Community of Inquiry. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 18(2): 189-214.